

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN  
(KAMPAR)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 27.10.2014**

**Y.B. DR. KO CHUNG SEN [ KAMPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan :-

- a. berapakah kos untuk membeli kereta Proton Perdana edisi khas baru untuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri; dan
  
- b. berapakah kos penyelenggaraan kesemua kereta Proton Perdana milik Kerajaan setiap tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

- a. Harga Proton Perdana edisi khas yang dibekalkan kepada YAB Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri adalah RM295,000 seunit.
  
- b. Kos penyenggaraan adalah berbeza setiap tahun bergantung kepada tempoh pajakan kereta. Jumlah kos penyenggaraan Proton Perdana bagi tahun semasa bermula dari bulan Januari sehingga bulan Disember 2014 dianggarkan sebanyak RM 8,372,875.